

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM**

**TARIKH : 19 MAC 2019**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-**

- (a) apakah pelan jangka panjang pihak Kementerian bagi memastikan kejatuhan harga getah tidak akan menjelaskan pendapatan pekebun kecil getah ; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan peruntukan tambahan dan berterusan untuk tujuan ini.

**JAWAPAN (a):**

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti komoditi lain juga, getah asli adalah berorientasikan eksport dan harganya ditentukan oleh permintaan dan penawaran antarabangsa. Memandangkan syer pengeluaran Malaysia hanya 5.5% daripada pengeluaran getah dunia, maka kita tidak dapat mengawal harga getah. Namun demikian, Kementerian akan terus komited dalam memastikan harga getah dapat ditingkatkan bagi memelihara kebijakan pekebun kecil dengan melaksanakan pelbagai langkah.

Bagi langkah jangka panjang, Kementerian menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara sehingga 10% daripada jumlah pengeluaran getah asli negara. Ini termasuk penggunaan getah dalam

pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *Seismic Bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia komited untuk terus bekerjasama dengan negara pengeluar utama getah seperti Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* bagi memperkuuh harga getah. Di bawah kerjasama ini, syer pengeluaran ketiga-tiga negara adalah 66% daripada pengeluaran getah asli dunia. Pelbagai strategi turut dilaksanakan seperti *Demand Promotion Scheme* yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan getah di peringkat domestik melalui projek jalan getah (*rubberised road bitumen*), *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)* yang bertujuan mengurangkan eksport untuk menangani ketidakseimbangan stok dari pasaran global dan meneruskan pelaksanaan Skim Pengurusan bekalan (*Supply Management Scheme*) bagi mengawal pertumbuhan pengeluaran getah asli agar tidak melebihi jangkaan permintaan getah asli pada masa akan datang.

**JAWAPAN (b):**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk jangka panjang, Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta pada tahun ini bagi pembinaan jalan berasaskan getah sekerap. Selain daripada itu, model koperasi akan turut ditambah baik. Pemberian peruntukan tambahan pula akan dikaji dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada keadaan kewangan Kerajaan.

Sekian terima kasih.